

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA I, BANGUNAN PARLIMEN**

**RABU, 28 Mac 2012**

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

- YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili  
*[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi]* - *Pengerusi*  
YB. Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]  
YB. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]  
YB. Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]  
YB. Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]  
YB. Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]  
YB. Tuan Loke Siew Fook [Rasah]  
YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**URUS SETIA**

- Encik Che Seman Pa Chik [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)]  
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha  
(Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Mohd Ikram bin Seri @ Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan  
(Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Wan Kamarul Ariffin bin Wan Ibrahim [Penolong Setiausaha I  
(Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Zulfazly bin Mohammad [Penolong Setiausaha II  
(Perundangan dan Prosiding)]

**HADIR BERSAMA**

**Parlimen Malaysia**

- Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penashiat Undang-undang]

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA  
PARLIMEN KEDUA BELAS, PENGGAL KELIMA****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa I, Parlimen Malaysia****RABU, 28 Mac 2012****Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.21 tengah hari**

[Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili  
**mempengerusikan Mesyuarat]**

---

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat semua, Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya kita dan Yang Berbahagia Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Roosme, selamat pagi dan salam sejahtera.

Hari ini adalah hari yang terakhir bagi kita untuk mengemas kini *final submissions* kita dan saya harap menjelang petang ini kita boleh muktamadkan persiapan laporan ini untuk diletakkan di meja Mesyuarat pada hari Isnin. Kita sedang memohon kepada pihak Speaker untuk membolehkan pembentangannya dua, tiga hari selepas itu walaupun takwim telah pun ditetapkan iaitu pembentangan *Supplementary*. Penggal kita akan berakhir pada 2 hari bulan, and *of course*, sebagai Pengerusi, saya boleh membentangkan pada bila-bila masa. Namun, kita inginkan supaya secepat mungkin membolehkan pihak awam meneliti, memberi komen dan bagi SPR dan agensi-agensi terlibat mengambil tindakan kepada laporan kita.

Satu, pengumuman ataupun penjelasan saya hendak beri ialah berasas kepada perbincangan kita semalam itu yang mana kalau dilihat dari situ, daripada 22 syor-syor itu, ada empat sampai enam yang kita telah meminta masa untuk memikirkan dan membuat keputusan muktamad pada pagi ini. Saya melihat kalau dari segi itu, sesuatu yang hampir lebih daripada 80%. Saya ditanya oleh media dan mengatakan bahawa kita hampir sampai ke situ dan ada beberapa lagi yang perlu dikemas kini pada hari ini. Apabila kita berbincang dari segi cara melapor, kita telah putuskan juga untuk supaya Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Roosme terus meneliti standard ataupun cara melapor di peringkat Parlimen-parlimen lain ataupun amalan dari segi tatacaranya bagi mana-mana Jawatankuasa Pilihan Khas.

Setelah meneliti, bahawa apabila sesuatu laporan itu diangkat daripada Jawatankuasa kepada Parlimen seperti mana juga Jawatankuasa di peringkat perbincangan rang undang-undang. Pandangan yang diangkat adalah pandangan keseluruhan, yang diputuskan di mana ada belah bahagian ataupun kalau tidak belah bahagian, seperti mana yang dicadangkan. Kalau ada belah bahagian, maka ia mengikut pandangan majoriti.

Di situ seperti kita potong gaji, seperti kita hendak mengubah satu perenggan dalam rang undang-undang, maka resolusi dibuat dan undian dan majoriti dan diangkat ke Dewan Rakyat seperti mana usul atau syor tersebut.

So dalam soal itu, tatacara yang kita cadangkan kelmarin itu tidak tepat kerana kita masukkan pandangan berbeza di atas syor tersebut. So, satu cara yang dipraktikkan dan konsisten dengan *Parliamentary practice* adalah kita telah memasukkan satu bahagian, kita sebut Bahagian Enam laporan mesyuarat di mana disenaraikan syor-syor yang dipersetujui. So misalnya, *maybe we can paparkan this one already*.

**Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha Dewan Rakyat]:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Perjelaskan dahulu ini. Nanti...

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Selepas ini kita beri kepada Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Syor-syor itu Bahagian Enam. So, kita masukkan satu bahagian kerana ada belah bahagian.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Sekiranya belah bahagian.

**Tuan Pengerusi:** Sekiranya. *We are still working on it.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Kalau tidak, suara ramai. Itulah kaedahnya. Terpulang.

**Tuan Pengerusi:** So, dikatakan Jawatankuasa bermesyuarat pada hari ini memuktamadkan syor. Syor berikut adalah syor-syor yang dipersetujui oleh semua. *Maybe we go to the list* seperti mana kelmarin, dan ada perubahan pemikiran, begitu. Saya sudah kira semua itu, ia ada 18.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Yang Berhormat, kita perlu *check* satu-satu dahulu.

**Tuan Pengerusi:** *Of course. We will go through one-by-one. Then* untuk memberi ruang penjelasan kepada pihak yang tidak setuju hasil daripada belah bahagian atau pun *majority view and it says* begitu. Mengatakan bahawa syor-syor yang tidak dapat persetujuan sebahagian Ahli adalah seperti begitu. *We go through the list* dan kalau boleh kita kurangkan ini, kalau tidak, apa boleh buat.

Memberi kemudahan secara pos pengundi luar; Membenarkan pendaftaran seorang mengundi 20 tahun; Memanjangkan tempoh kempen; Ke arah pendaftaran secara automatik; Peruntukan dana kepada parti politik. *Then we go down to syorkan* bagi setiap itu, siapa yang setuju, siapa yang tidak setuju. Ini adalah untuk makluman Dewan.

Kalau di dalam Jawatankuasa Kecil di Parlimen, dia tidak beritahu pun, dia baca *Hansard* sahaja siapa setuju, siapa tidak setuju.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Ini pun kalau kita tidak hendak, kita boleh *remove this*. Mungkin kita ada keputusan sahajalah, berapa yang setuju dan berapa tidak setuju.

**Tuan Pengerusi:** *Up to Jawatankuasa. So, it goes syor by syor yang tidak dipersetujui, siapa setuju, siapa tidak setuju. Saya melihat ini lebih jelas dan konsisten dengan Parliamentary practice dan laporan amalan dan seterusnya. So, we can say as pengundi luar mengundi secara pos, kami tidak setuju seperti mana maklumat yang telah diberikan dan it goes down the list.* Ini sahaja perubahannya supaya syor-syor itu adalah *intact* seperti mana yang dicadangkan. Saya buka untuk perbincangan.

**Tuan Loke Siew Fook [Rasah]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya rasa format yang baru kita lihat tadi, bagi sayalah. Saya belum mendapat persetujuan daripada dua rakan saya. Bagi saya format ini lebih baik daripada semalam, ada penambahbaikan dari segi itu.

**Tuan Pengerusi:** Ambil itu masukkan juga untuk makluman, mengapa *you* tidak setuju di sana untuk lebih jelas.

**Tuan Loke Siew Fook:** Cuma ketiga-tiga kita telah ada mesyuarat kita dan kita berasa.., semalamlah, berkenaan dengan apa yang kita telah bincangkan semalam, pendirian kita agak tegas. Kita rasa adalah penting ada ruang dalam laporan ini membenarkan ada satu *minority report* ataupun pandangan minoriti dari segi apa yang kita tidak bersetuju dan pandangan kita kepada keseluruhan laporan itu. Kita telah merujuk kepada beberapa *senior MPs* dan memang ini adalah praktis di Parlimen-Parlimen lain di mana dalam mana-mana laporan ada ruang untuk satu pandangan minoriti atau *minority report*.

■ 1230

Kita harap ini dapat dimasukkan mungkin dalam salah satu *appendix* ataupun bukan *appendix*, dia sebahagian daripada laporan itu. *Just a short* laporan, satu, dua *pages* untuk bagi ruang kepada kita supaya kita menyatakan pandangan kita dan harap ini boleh dipertimbangkan oleh mesyuarat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya minta pandangan daripada...

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]:** Tuan Pengerusi. Saya rasa memang saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat Rasah atas pembentangan cara ini. Saya rasa cara ini dapat memenuhi segala permintaan kerana di sini juga kita ada menyenaraikan yang saya kata, saya tidak perlu *minority report* kerana semua maklumat dan pendapat daripada semua Ahli telahpun dibentangkan dalam bab yang keenam ini dan pendapat mengapa tidak setuju dan apa cadangan mereka.

Jadi, saya rasa laporan ini lengkap dan sekiranya perlu laporan ini boleh dibentangkan juga dengan cara-cara pengundian dibuat. Jadi, saya rasa ini cukup baik dan kita dapat menggunakan format ini sebagai laporan terakhir dan tidak perlu satu laporan minoriti. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Tidak timbul soal cara ataupun amalan *minority report*lah. Ini setelah meneliti cara-cara Parlimen lain bahawa ini yang terbaik dan kalau Yang Berhormat mahu menjelaskan lebih panjang sedikit kenapa tidak, saya rasa kita bolehkan tetapi untuk mengadakan *minority report* itu saya rasa ruang itu tidak wujud kerana kita pakai ini sebagai laporan Jawatankuasa diangkat sebagai satu laporan di atas. Lagipun beberapa pandangan kita yang berbeza itu ada dalam *Hansard*, dan apa yang kita lakukan apabila tidak setuju misalnya, kita katakan apa yang dipersetujukan, *facts* itu pun ada di dalam laporan sebagai *background* ataupun sebagai *appendix* kepada mesyuarat.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Laporan prosiding itu *can be even hardcopy* kalau tidak mahu dalam *CD* *that particular* mesyuarat hari ini, *can be in hardcopy*. Tidak payah CD pun *they can read*.

**Tuan Pengerusi:** Sebab bila kita katakan misalnya *I choose okay, nothing much further to explain* katakan ke arah pendaftaran secara automatik. Jadi, dituliskan di situ siapa setuju atau tidak setuju. Keputusan belah bahagian ialah tidak setuju ialah tiga.

**Datuk Roosme binti Hamzah:** Ini hanya *in anticipation we don't know... [Ketawa]* Yang itu kosonglah.

**Tuan Pengerusi:** Yalah, yang ini, ini..., *we are just reading never mind. We go through one-by-one*. Oleh yang demikian, syor yang tidak disetujukan. *Then* Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Rasah dan Yang Berhormat Kuala Krai mencadangkan supaya pendaftaran automatik dilaksanakan apabila seseorang warga negara mencapai umur 18 tahun.

*So actually nothing further to elaborate because straight forward* ini ada dalam perbincangan, dalam *Hansard* semuanya dan *straight forward, you want 18 years will automatic, so* begitu. Alasan-alasan semua itu ada di dalam *Hansard* yang telah kita kemukakan, ataupun di dalam apa yang telahpun dikemukakan oleh pihak-pihak tertentu pada masa kita membuat pendengaran awam seterusnya.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tadi kita dengar penjelasan Tuan Pengerusi bahawa Setiausaha telah meneliti bentuk laporan yang diterima tetapi kita tidak pasti sama ada, ada halangan untuk membuat *minority report* itu melainkan disebut secara khusus bahawa tidak boleh itu, barulah tidak boleh. Kalau ada ruang sebab ada perkara-perkara yang contohnya dalam daftar pemilih yang kita telah banyak berbeza pandangan, beberapa perkara yang kita bentangkan, tidak akan dicapture dalam laporan kita itu melainkan dibuat dalam satu bahagian khusus *minority report*. *We felt strongly* atas perkara tersebut.

Jadi kalau ia tidak bersalah walaupun tidak biasa tetapi tidak bersalah saya menganggap ia masih boleh dikemukakan.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Ini kerana di dalam tanggungjawab dan terma rujukan yang diberi ialah Jawatankuasa melaporkan balik kepada Dewan. Memanglah amalan itu adalah sepertimana yang kita lakukan, dan saya katakan dalam Jawatankuasa di peringkat perbincangan-perbincangan rang undang-undang, dan apa yang dilaporkan adalah usul keseluruhan atau syor keseluruhan yang dibuat di Peringkat Jawatankuasa sebagai laporan Pengerusi, begitu juga konteksnya di sini.

Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat cukup luas juga dari segi penjelasan apa yang perlu dijelaskan di mana pandangan kita itu berbeza sebab ia boleh rujuk dalam perbincangan kita dari *Hansard*. Saya rasa boleh diperjelaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepada pihak awam apabila selesaikan tugas kita bahawa semua maklumat untuk penjelasan itu ada di dalam laporan ini mahupun dalam *submission* sebelum ini ataupun dalam *Hansard discussion* kita. Jadi, saya rasa harus tidak banyak tambahan lagi pun diperjelaskan siapa tidak setuju, dan apa pandangan alternatif kepada itu.

Huraian dengan seberapa panjang saya rasa itu nanti di luar daripada perbincangan Jawatankuasa sudah, sebab kita punya perbincangan menjurus kepada sesuatu syor. Jadi, okey saya hendak pembentangan supaya laporan ini dipersetujui untuk tujuan melaporkan setiap syor-syor oleh Jawatankuasa ini kepada Parlimen. Ya, Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]:** Tuan Pengerusi terima kasih. Dalam perkara ini saya cukup konsisten daripada awal perbincangan di Peringkat Jawatankuasa untuk mencadangkan satu pendekatan baru dalam melaporkan syor-syor ini samada boleh dipersetujui secara bersama ataupun ada pandangan berbeza kepada Dewan Rakyat. Atas pendirian bahawa semua maklum balas kita terima dalam pendengaran awam ataupun memorandum daripada individu, pertubuhan dan *civil societies* adalah pandangan-pandangan yang baik, yang boleh kita pertimbangkan bagi tujuan penambahbaikan proses pilihan raya.

Itu prinsip yang saya pegang kerana saya merasakan adalah tidak adil hanya sembilan Ahli Jawatankuasa menentukan, apakah yang perlu dibahaskan di dalam Dewan Rakyat, sedangkan dalam pendengaran awam, dan juga memorandum itu, banyak perkara penting yang bertujuan untuk menambahbaik proses pilihan raya. Saya bersetuju memang dalam laporan yang terakhir ini, ada lampiran *Hansard* dan juga dalam bentuk *softcopy* dan juga *hardcopy*, tetapi kita juga perlu meneliti beberapa perkara penting ataupun *fundamental issues* yang harus kita bahaskan dalam Dewan Rakyat.

Keduanya, walaupun amalan sebelum ini tidak memuatkan *minority report*, saya juga telah meminta untuk meneliti amalan negara-negara luar dan terbukti ada amalan yang mana Jawatankuasa ini juga melampirkan *minority report* kepada Dewan masing-masing untuk dipertimbangkan dalam sesi perbahasan. Akan tetapi yang lebih penting Tuan Pengerusi, cadangan untuk melampirkan *minority report* ini tidak bercanggah dengan mana-mana peraturan mesyuarat. Jadi saya tidak nampak ada alasan untuk mengetepikan laporan minoriti ini kerana ia bagi saya dapat membantu Ahli-ahli Dewan Rakyat menimbangkan cadangan-cadangan bagi tujuan yang murni iaitu menambah baik proses pilihan raya.

Jadi saya kira Jawatankuasa ini tidak harus terikat dengan amalan sahaja tetapi juga harus melihat kesan positif dalam memberikan ruang yang lebih luas dalam konteks yang saya nyatakan tadi. Walaupun saya menyambut baik usaha Setiausaha Dewan dan juga Jawatankuasa untuk menimbangkan format ini tetapi bagi saya ianya boleh diperkemaskin lagi dengan memberikan satu ataupun maksimum dua muka surat bagi tujuan laporan minoriti itu bagi kepentingan semua dalam perbahasan nanti. Jadi, saya pohon supaya Tuan Pengerusi dan Jawatankuasa dapat menimbangkan perkara ini secara serius dan ini tidak melanggar mana-mana peraturan, dan ia sebenarnya satu amalan yang baik yang harus kita mulakan sekarang. Terima kasih.

■1240

**Tuan Pengerusi:** Siapa lagi Ahli Yang Berhormat.., Kangar? Kita pernah dua-dua mempengerusikan Jawatankuasa Parlimen sebelum ini... *[Ketawa]* Tiga, you Yang Berhormat Kangar dua kali, saya satu kali.

**Dato' Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]:** Ya Jawatankuasa yang berbeza Yang Berhormat. Jadi, saya berpendapat kita kena ikut apa yang terkandung dalam peraturan mesyuarat. Kalau peraturan mesyuarat tidak membenarkan, tidak bolehlah kita buat. Itu sahaja. Jadi, saya..., *I'm all for whatever is good* tetapi kita kena ikut peraturan. Kalau peraturan kata tidak boleh buat, tidak boleh buat. Kalau tidak ada peraturan, mungkin tidak tahu lah saya pun macam mana. Adakah kita dalam peraturan apa?

**Tuan Pengerusi:** Bila konsep *minority report*, saya rasa *this* dengan izin, *outside the question*lah sebab caj Parlimen kepada kita ataupun mana-mana Jawatankuasa itu adalah seperti yang dimuktamadkan melalui pelantikan kita dan diangkat pada terma yang diberi itu. Memang cara laporan barangkali itu, dan kita *guided* dengan *standing orders* serta juga amalan-amalan di Parlimen lain.

Akan tetapi biasanya *minority report*, we look at what's happening in the House of Common, adalah di mana sesuatu Jawatankuasa itu ditubuhkan berasingan daripada, atau *sub-committee* di bawah satu-satu badan Jawatankuasa yang besar. Namun bagi kita, we are satu badan you know. Saya rasa apa yang kita boleh pertimbangkan ialah provision of why you say those thing, then we can put in.

Itu cadangan saya, tetapi kita check dengan *Parliamentary practices on this*. Kalau satu lain itu, tambah beberapa pages sepetimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gombak tadi, di mana yang tidak bersetuju, okey satu lembar. So, public can say, why you disagree and so forth, you know. I'm willing to consider that subject to views.

Untuk makluman Yang Berhormat Alor Gajah...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi, kalau saya tambah sedikit?

**Tuan Pengerusi:** ...Saya beri makluman Alor Gajah. Saya baru sahaja membentangkan *reporting format* yang kita telah teliti berdasarkan kepada *Parliament practice* dan juga format yang digunakan apabila Dewan itu berbincang di Peringkat Jawatankuasa iaitu berbagai-bagai fikiran, berbagai-bagai pandangan. Akhirnya, resolusi dibuat melalui suara umum ataupun belah bahagian dan apa yang dikembalikan to the House, adalah apa yang diputuskan secara undian ataupun suara majoriti walaupun potong gaji, walaupun ubah ini dan seterusnya ya. *The bill on same side of this because the process of Jawatankuasa, it has gone through and that is the keputusan.*

So dalam soal ini, we went beyond that, we stated siapa-siapa sudah setuju dan even why they don't setuju. So, tetapi pandangan sebelah, they want more ruang to explain why their stand and asking for the idea of *minority report*. Saya katakan dari segi konteks praktis, saya rasa itu tidak timbul tetapi ada satu cadangan Gombak tadi untuk menambah beberapa pageskah untuk memperjelaskan kenapa ini, mereka ini cadangkan. Makanya itu kita boleh fikirkan, you know, not as part of the...

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri][Mikrofon dimatikan]

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Apa masalahnya nak tambah di para itu dengan satu lampiran? Don't make things difficultlah Tuan Pengerusi. Apa masalahnya selagi yang..., saya sambut pandangan Kangar tadi. Kita terikat dengan Peraturan Mesyuarat. Kalau Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan, kita tidak lakukan tetapi kalau peraturan mesyuarat silent on that part, tidak ada masalah untuk kita kemukakan satu cadangan baru dalam bentuk lampiran, *minority report* untuk memberikan penjelasan. Sebab pandangan-pandangan ini bagi saya penting. Janganlah kerana, "Oh tidak boleh ada lampiran tambah dalam para itu". Apa bezanya?

*At the end of the day*, kita hendak masukkan pandangan yang berbeza. Ini satu proses penambahbaikan. Saya tidak mahu Jawatankuasa ini dipengaruhi oleh pandangan-pandangan luarlah Tuan Pengerusi.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Tuan Pengerusi, saya pun setuju dengan Kangar, dan kalau kita tidak ada halangan daripada *Standing Order*, tidak ada apa. Akan tetapi kalau halangan, okey.

**Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang, Parlimen]:** Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk Jawatankuasa kepada Peraturan Mesyuarat 83(12)(a), 83(12)(a) berbunyi macam ini. *“Seseorang Ahli Jawatankuasa Pilihan boleh membawa satu penyata bagi ditimbangkan oleh Jawatankuasa itu dan semua penyata demikian itu hendaklah dituliskan dengan penuhnya dalam peringatan-peringatan mesyuarat Jawatankuasa itu. Apabila semua penyata itu telah dibawa ke hadapan Jawatankuasa itu, Pengerusi akan mencadangkan penyata-penyata itu untuk susunannya dimulakan dengan penyatanya sendiri dan diteruskan dengan penyata-penyata lain mengikut dahulu, kemudianya dibawa ke hadapan Jawatankuasa itu hingga satu daripadanya diterima sebagai asas perbincangan”*, yang mana kita buat sekaranglah. *This is ours*, kita punya penyata.

*“Masalah yang akan dikemukakan oleh Pengerusi di atas sesuatu penyata itu ialah, iaitu Penyata Pengerusi dibacakan kali yang kedua lepas satu perenggan, satu perenggan”, which is apa yang kita buat sekarang. “Apabila masalah telah disetujukan, maka tidak boleh masalah dikemukakan atas apa-apa penyata lain, tetapi apa-apa bahagian daripada penyata-penyata lain boleh ditawarkan sebagai pindaan ke atas penyata yang sudah dibincangkan jika berkaitan dengan penyata itu”*. Okey, based atas ini, reading on this, ia kena ada satu sahaja syor, satu sahaja penyata yang which is Syor Jawatankuasa lah or syor lain, dia memang tidak akan wujud syor lain sebab ia akan jadi satu sahaja.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Itu pandangan bahagian undang-undang. Pandangan saya Tuan Pengerusi, kalau daripada kefahaman saya ialah, semua penyata-penyata ini dibentangkan dalam mesyuarat untuk dipertimbangkan, dan akhirnya kita ada urutan di mana yang diutamakan, di mana yang didahulukan.

Apa yang disebut tidak boleh bawa penyata lain, maknanya ada tambahan. Ini bukan tambahan, ini keterangan syor yang telah pun dibentangkan dalam mesyuarat. Cuma kita terima bahawa ada yang kita setuju, ada yang kita tidak setuju. Itu yang kefahaman saya dari segi urutan. Kita bukan hendak bawa satu cadangan baru yang tidak pernah dibincangkan dalam pendengaran awam ataupun dalam Jawatankuasa.

Penyata-penyata ini memang telah dibentangkan cuma dia punya urutan itu, okey ada yang kita setuju sebagai satu penyata, cuma yang tidak bersetuju itu tidak pula peraturan menghalang kita mengemukakan lampiran. Ini maksud saya tidak ada satu baris ayat yang menyatakan tidak boleh ada lampiran tambahan.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]:** Tuan Pengerusi, saya cadangkan begini untuk selesaikan masalah, *because we have gone a long way*. Kita jemput semua orang sampaikan petisyen *and so on* dan kita lampirkan semua. *So we treat the opinion of Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Rasah dan Yang Berhormat Kuala Krai as their submission and we can put in the submission as one of the report.*

**Tuan Pengerusi:** Memang semua *submission* itu dalam *Hansard, of course*. Hanya apa yang dikeluarkan daripada itu untuk menjadi syor hendaklah dimuktamadkan oleh Jawatankuasa ini.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *Yes, I know. But we are not affecting the syor. We do not touch the syor.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tidak. Masuk satu lampiran - *minority report*. Tidak ada halangan dalam peraturan mesyuarat. Itu sahaja yang saya minta.

■1250

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *You see, I can see the difficulty but masalahnya ialah, they have voiced their opinion, within this..., it is there.*

**Tuan Pengerusi:** *It is already there.* Dia hanya dalam bentuk yang ringkaslah. Dikatakan setuju, setuju, tidak setuju. *Then*, kenapa dia tidak setuju.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi, *why you can't accept this format. Why can you accept minority report*, apa bezanya?

**Tuan Pengerusi:** *Minority report is already a separate report.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ya, *I know*. Hanya satu lampiran. Kalau ini Bahagian Enam. Kalau ini bahagian...

**Tuan Pengerusi:** Itu penyata sudah.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Bahagian Enam, *then we have Bahagian Tujuh. Unless you* memang ada usaha untuk menghalang.

**Tuan Pengerusi:** Tidak, akan tetapi memang format dia begitu, sebab bila kita buat resolusi...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kalau ini tidak ada dalam Peraturan Mesyuarat yang boleh benarkan... Ini syor yang tidak mendapat persetujuan. Ada satu perenggan di bawah tadi, setelah belah bahagi itu apa pandangan yang membantah.

Kalau itu boleh dimuatkan, kita hendak dalam bentuk *essay form*, supaya kita dapat menjelaskan bukan hanya satu baris. Persoalan saya ialah, kalau *you* boleh benarkan tiga baris, mengapa tidak boleh benarkan satu perenggan?

**Tuan Pengerusi:** Sebab satu - memang sebenarnya ini untuk *I took the liberty to allow because* kalau belah bahagian di Peringkat Jawatankuasa di Dewan yang biasa, *you only baca it in the Hansard, and then we rujuk, and then we bring back to Speaker in the main* Peringkat Dasar. *This is the* keputusan. *You want to know the detail*, siapa-siapa yang membantah semua itu *you baca the Hansard*. Akan tetapi *in this context*, saya rasa bahawa, untuk bagi awam di situ, perlu mengetahui bagi setiap kita bahawa apa yang tidak dipersetujui, dan siapa yang setuju supaya kita boleh perjelaskan kepada rakyat.

*So, I took the liberty and then* sebagai permintaan, jelaskan *what is our alternative*. So, saya masukkan di situ sebagai penjelasan bagi mereka yang tidak setuju, dengan usul, *but I think to go beyond that, and to talk about*, dengan izin, *minority report, it is already..., that is not in the context of the* terma rujukan kita, *because this explanation being given by the other side, actually sememangnya dia tidak setuju dengan usul yang dibawa oleh* Pengerusi iaitu seperti mana perkara-perkara yang saya sudah ada *listed*, akan tetapi tidak dipersetujui.

Kecuali sekadar untuk memperjelaskan sedikit lagi supaya jelas posisi mereka. Akan tetapi *to talk about minority report, I think Yang Berhormat Gombak that is not the practice that we have got here for all Select Committee* sebelum ini. *It will go outside I think, of terma rujukan kita*.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi, *I think under my reading of 83(12)(a) Standing Order, I think in the event that the party..., use that the certain thing that to be included in the report, it can be done in the House, right? Can be done in the House because I think 83(12)(a) is to say that this to be included.*

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *You have a good idea also. I mean what ever elaboration they can do it in the House...*

**Tuan Pengerusi:** *Yes, of course. Amendment has to be this, right? When you rose there, it is more to debate for the rest.*

**Datuk Roosme binti Hamzah:** *You accepts the report or you do not accept. You do not say, one you accept, the other you do not accept.*

**Tuan Pengerusi:** *It is for the House to accept.*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *But Ahli-ahli Yang Berhormat, when you talk about, katakan ada enam yang ini, how much more space you want to perjelaskan di bawah ini? I think like 18 tahun dan automatik – It cannot be clearer than that. I want 18 tahun and then I want the*

*automatic, full stop. No further thing because in this discussion,* dalam memorandum dikemukakan oleh pihak awam, dalam ulasan-ulasan kita, semua ada di dalam Hansard. So, saya rasa tidak banyak hendak tambah lagi kecuali dua, tiga *line* yang hendak diperjelaskan Yang Berhormat Gombak dan Yang Berhormat Kuala Krai.

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *Seriously I think Yang Berhormat Gombak, I think we have come a long way in the spirit of..., the progress....*

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Ya, *I think I agree. We have come a long way.* Enam bulan sudah kita mesyuarat. *A lot of things we have done.* Akan tetapi ada perkara-perkara yang kita bangkitkan misalnya dalam konteks daftar pemilih, banyak yang kita sebut akan tetapi reaksi daripada SPR misalnya, tindakan-tindakan dia *far from our satisfaction.* So, perkara macam ini, walaupun kita ada satu resolusi *on* daftar pemilih begitu, akan tetapi *we have our strong objection on what have been done or not done by Election Commission.* So, itu yang kita hendak *at least to put it straight there.*

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi Yang Berhormat Kuala Krai, *I think at least for our Jawatankuasa dengan Yang Berhormat Rasah ini, we have tried to accommodate those issue. I mean memang tidak siap enam bulan, there is one analysis that I do want to see untuk mempermaksa semuanya itu tetapi that is why kita katakan, cadangkan satu Jawatankuasa di peringkat Parlimen and let them to continue the work for instance untuk monitoring.*

Dalam juga syor-syor kita ini, banyak yang berkaitan untuk menstrukturkan balik SPR dan seterusnya. *I think the both side of the House is depending on how many majorities and this entire thing, but I think the mood is for having a better SPR.* Terpulang kepada kita nanti untuk memastikan semua rekomendasi yang kita buat itu boleh dijalankan. *I think we should give them a chance dengan adanya sistem pentadbiran sendiri.* Mereka punya *recruitment* sendiri. *At least like SUHAKAM for instance.*

*I think it can be done, if not you guys gonna be around for sometime, I am sure.* Parlimen ini..., satu Jawatankuasa lebih daripada itu. Kalau saya kira betul, 200 lebih cadangan-cadangan. *We just cannot ulas semua kecuali acknowledge them. So we want for:*

- (i) *important;*
- (ii) *urgent; and*
- (iii) *senang dilaksanakan.*

*The rest itu, if it is not important dari segi keseluruhan, will have to be pursued by what ever we have recommended. To ulas 200 dan masukkan semua itu, I think the report, yang pertama will get very...., in terms of apa yang urgent dan apa yang mudah untuk dilaksanakan dalam jangka masa yang munasabah.*

Saya akan perakui itu misalnya dalam ucapan saya dan seterusnya bahawa memang masih banyak yang tidak..., akan tetapi berasaskan kepada penelitian kita terhadap 22 yang telah kita dapat persetujuan ataupun *partial* persetujuan, memang ada lagi yang lain. Space telah diberi kepada Jawatankuasa Kecil untuk memasukkan apa yang penting. Ya, Yang Berhormat Gombak.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Penggerusi, berbalik kepada isu daftar pemilih. Oleh sebab itu kita cadangkan satu laporan minoriti ini dimuatkan kerana ada perkara-perkara khusus yang hendak kita tonjolkan dalam syor ini, mungkin soal *automatic registration* ataupun umur itu merupakan satu perkara yang terus ataupun *straight forward*, mudah. Akan tetapi isu daftar pemilih ini adalah isu yang paling *fundamental* dalam pilihan raya.

Apa yang kita saksikan dalam tempoh enam bulan yang lalu, membuktikan bahawa SPR tidak ada kesungguhan untuk membersihkan daftar pemilih. Semua masalah-masalah yang berbangkit adalah hasil siasatan yang dibuat oleh MIMOS atas desakan PSC. Parti-parti politik, kita bawa contoh-contoh sama ada daripada Sabah, Sarawak ataupun di Semenanjung, banyak penyelewengan, penipuan yang berlaku. Akan tetapi sampai hari ini saya tidak nampak kesungguhan SPR untuk membersihkan daftar pemilih. Banyak contoh kita berikan. Macam 42,000 pengundi yang diragui pada tahun yang lalu, yang telah dipamerkan, yang dijanjikan untuk dikeluarkan daripada daftar pemilih, tetapi belum buat.

#### ■1300

Apa akan berlaku sekiranya pilihan raya minggu depan ataupun bulan depan? Jawatankuasa yang dibentuk untuk memantau daftar pemilih, baik itu untuk di masa akan datang, tetapi apa akan berlaku kepada daftar pemilih dalam PRU Ke-13 sekiranya ini dilakukan dalam satu, dua bulan yang akan datang? Sudah tentu rakyat tidak boleh terima kerana telah diperakui sendiri oleh SPR senarai 42,000 ini adalah undi yang diragui.

Yang kedua, MIMOS telah membuktikan ada 79,000 pengundi yang mendaftarkan diri di dalam sebuah rumah lebih daripada 100 pemilih, belum selesai. Ya, kita hendak berikan peluang, sampai bila kalau pilihan raya bulan depan?

Kemudian soal belah bagi yang dilakukan secara terang-terangan melanggar peraturan-peraturan pilihan raya, yang diakui sendiri oleh SPR yang tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya begitu. Ini pengalaman kita di Selangor pada tahun 2004, apabila perkara ini dilakukan, berlaku huru-hara sehingga SPR terpaksa melanjutkan tempoh satu jam tambahan. Apakah perkara ini hendak diulangi lagi dalam PRU Ke-13?

Jadi contoh-contoh ini adalah contoh yang fundamental, yang belum ada usaha untuk membersihkan, malahan masih berlaku.

Jadi macam mana kita hendak hanya mengizinkan satu ayat dalam syor or memberi peluang kepada SPR untuk membersihkan. Kita hendak satu *minority report* supaya perkara ini dapat kita *address*, memberikan ultimatum ataupun satu penegasan tentang tanggungjawab SPR untuk membersihkan daftar pemilih. Daftar pemilih ini bukan tugas MIMOS, bukan tugas parti politik tetapi daftar pemilih adalah tugas SPR untuk membersihkan. So itu yang saya minta...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, itulah sebab kita beri syor-syor yang banyak ini, penstruktur dan seterusnya, supaya SPR pada masa hadapan bukan SPR mengikut senarai kelemahan-kelemahan yang telah pun kita perakui. *So, we have to give them a chance also*, berasaskan kepada laporan. Kalau dia tidak mengambil tindakan seperti mana yang kita cadangkan, *then that is why.... I think we should give a chance to them*. Kita mencadangkan Jawatankuasa untuk pengurusan itu kalau Parlimen boleh menerima itu dan *we are willing to suggest and that's the ongoing work that needs to be done* – belum siap kerja.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Kalau pilihan raya bulan depan Tuan Pengerusi, *what will happen?*

**Tuan Pengerusi:** *Then of course*, kalau pilihan raya yang terdekat, *then the roll that has been satisfied would have to be used* di situ. *But keep in your mind, even* yang kita buat dengan MIMOS itu...

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Belum. MIMOS telah menjalankan satu usaha yang baik.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Akan tetapi persoalannya, apa tindakan, jaminan daripada SPR berdasarkan laporan MIMOS, satu badan yang telah membantu? Tidak ada sampai petang ini. *There is no assurance...*

**Tuan Pengerusi:** Tunggu tiga bulan.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** ...*And undertaking by SPR...*

**Tuan Pengerusi:** Mana dia ada masa hendak laksana.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Ya, sebab itulah saya katakan...

**Tuan Pengerusi:** Itulah kita katakan pamer.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Saya bagi contoh. Kalau 42,000 yang dijanjikan tahun lepas pun tidak selesai, apatah lagi yang MIMOS punya laporan baru lebih kurang sebulan keluar. Jadi, *you know*, ketidakyakinan itu semakin kuat.

Oleh sebab itu saya pernah mencadangkan, Jawatankuasa ini juga kena berani masukkan satu para, saya tidak tahu dalam laporan yang terakhir ini, mencadangkan atau menyarankan kepada kerajaan supaya tidak membubarkan Parlimen sehingga semua *recommendations* ini dapat dilaksanakan sekurang-kurangnya soal daftar pemilih. Tiga bulan lagi kita beri peluang kepada mereka untuk bersihkan. Jadi kita cadangkan walaupun prerogatifnya adalah Perdana Menteri, tidak apa, tetapi sekurang-kurangnya Jawatankuasa mesti dilihat *credible* untuk menyarankan sesuatu yang baik. Kita menyarankan kerajaan tidak membubarkan ataupun mengadakan pilihan raya sehinggalah beberapa perkara fundamental ini dapat diselesaikan.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Itu pun saya lihat Tuan Pengerusi belum ada keputusan untuk melihat ke arah itu. Jadi saya sukar untuk menerima laporan yang terakhir ini kalau isu fundamental belum diselesaikan lagi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okey Yang Berhormat Gombak, ini kita sudah bincang banyak kali dan kita telah jauh perjalannya dengan kepercayaan bahawa kerajaan ataupun pihak yang akan melaksanakan syor-syor ini selepas terima untuk Parlimen, akan mengambil tindakan. Akan tetapi kalau kita pada saat ini pun tidak percaya bahawa ataupun tidak yakin itu, *then* saya rasa *we are back to square one* lah.

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Masa kita itu yang kita telah jalankan itu adalah masa yang...

**Tuan Loke Siew Fook:** Tuan Pengerusi, saya rasa apa yang dibangkitkan tadi adalah masalah ada pandangan yang mengatakan bahawa dalam *standing order*, kalau tidak membenarkan *minority report*, apa yang kita minta di sini bukannya untuk *affect* syor-syor itu. *Minority report* itu dalam bentuk bahagian lain ataupun dalam satu *submission*. Mungkin salah satu jalan keluar yang kita boleh fikirkan ialah Bahagian Enam ialah syor. Syor itu kita akan ikut format macam ini, ada belah bahagi dan sebagainya. Kalau setuju semua, *consensus*lah. Kalau tidak, ada belah bahagi.

Akan tetapi kita ada satu lagi bahagian iaitu bahagian yang ketujuh, yang kalau ikut balik *interim report*, ada kesimpulan Bahagian Ketujuh, kesimpulan laporan itu. Kesimpulan itu tidak akan *affect* usul laporan itu. Mungkin dalam kesimpulan itu, kita boleh dua bahagian, kesimpulan yang dibuat oleh Pengerusi bagi pihak majoriti dan mungkin bagi satu subbahagian kepada kita sebagai kesimpulan daripada pihak kita, Pakatan Rakyat. Dua perenggan yang berlainan. *Can we consider that?*

**Tuan Pengerusi:** Itu memang...

**Tuan Loke Siew Fook:** Kita boleh letak kesimpulan kita, *then you can write, I mean*, kesimpulan majoriti, kesimpulan minoriti.

**Tuan Pengerusi:** Sebab Jawatankuasa ditubuhkan untuk mengangkat syor. Akhirnya fungsi yang digunakan memanglah sepertimana dalam Jawatankuasa Peringkat Parlimen *proper* iaitu *voice* keseluruhan, *and the details of the sanction* begitu, itu dalam *Hansard*. Sini saya telah cuba memperakui bahawa, *we can list out* kenapa, siapa tidak bersetuju, supaya jelas kepada rakyat masing-masing, tetapi tidak ke tahap di mana perlu timbul soal *minority report* ya, *divergent opinion* sudahlah.

**Tuan Loke Siew Fook:** *That is why I said you are so, I mean*, pantang kepada perkataan, “*minority report*” itu dalam kesimpulan *because* kesimpulan ialah berdasarkan syor-syor itu. So syor-syor itu bukan semua *consensus*, ada perkara yang belah bahagi. So apa yang kita minta, *at least* dalam kesimpulan itu diberikan ruang kepada kita untuk draf kesimpulan itu bagi pihak kita sendiri, *what is our* kesimpulan, mungkin berbeza daripada kesimpulan yang dipersetujui oleh pihak kerajaan. *I mean*, kesimpulan itu tidak akan *effect* kepada usul itu. Kesimpulan itu ialah pandangan-pandangan Ahli Jawatankuasa.

**Tuan Pengerusi:** Kesimpulan nanti dalam laporan Jawatankuasa ini tidak panjang. Kesimpulannya barangkali dalam satu lembar sahaja saya masukkan iaitu terima kasih kepada semua, perkara-perkara yang dikemukakan oleh pihak awam sememangnya lebih banyak daripada apa yang Jawatankuasa telah dapat proses, namun semua ini adalah dalam laporan dan...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *So the rest of it is* mengatakan terima kasih kepada semua *and then* mohon supaya yang bertanggungjawab itu mengambil tindakan kepada syor-syor kita apabila telah diterima oleh Parlimen, ya.

**Tuan Wee Choo Keong:** Tuan Pengerusi, *I look at the whole thing. I mean PSC* kita ini ditubuhkan untuk menambahbaikkan pilihan raya itu *and this process obviously cannot be done in one, two, three months, it takes quite sometime for this process to be done. I don't understand why we are so concern about minority report and all that* sedangkan *everything is in the Hansard and everyone will have the opportunity to debate*. Ada satu masa, waktu untuk kita berbahas di dalam Parlimen *and then* semua apa yang kita bangkitkan di sini juga dalam *Hansard*, semua orang boleh baca. Nampak-nampaknya kita..., *I know they are trying to score political point one to one, I don't understand, but I think all these things already in the Hansard...*

■1310

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Wee Choo Keong:** ...Semua apa yang kita bangkitkan di sini juga dalam *Hansard*. Semua orang boleh baca. Nampaknya kita..., *they trying to score political points or want to won. I don't understand*.

*I want to be terus-terang here, but I think all these things in Hansard.* Semua dalam Hansard. Orang semua boleh baca. Pendirian siapa dalam ini, apa semua dan juga dalam ini pun ada, siapa yang setuju, siapa yang tidak setuju.

**Tuan Pengerusi:** *I think apa yang saya cadangkan beginilah. Di bawah format yang sekarang ini, kita boleh expand pandangan yang itu untuk menjelaskan daripada sekadar one sentence, we can put one paragraph kenapa itu, and the rest bilang ada dalam Hansard sepetimana pandangan kita. What is the problem there I think. That is how I want to handle this because ruang telah kita beri yang cukup, kita namakan siapa yang setuju, siapa yang tidak bersetuju, apa pandangan alternatif. Okey. You perlu satu pandangan, space a bit more to explain why you taking that position.*

Boleh because the respond apa mahu cakap lagi, lampiran semua dalam Hansard, mengapa we want 18 years, masyarakat boleh baca dari situ pandangan parti masing-masing. Saya memohonlah supaya pihak Yang Berhormat Gombak dan Ahli-ahli Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat Rasah supaya kita teruskan usaha kita ini dan kita perbaiki dokumentasi. Kalau boleh, di mana yang dulu kurangkan, yang tidak dipersetujui saya beri ruang sedikit lagi untuk memperjelaskan posisi kenapa tidak bersetuju. Barangkali laporan mengatakan rujuk kepada memorandum-memorandum yang telah dikemukakan. Saya rasa cukup jelaslah. Ya Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli:** Tuan Pengerusi, seingat saya kalau kita rujuk kepada cadangan syor-syor kita itu, saya rasa kita sangat reasonable. Pihak kami bertiga dalam konteks syor-syor di bawah Jawatankuasa yang Pengerusi sendiri handle. Kalau kita boleh bawa ke muka surat, sebagai contohlah hendak mengatakan, we have been very reasonable despite all our dissention tentang perkara yang berlaku kepada SPR. Dalam bab usul untuk daftar pemilih atau apa, I think tiada objection di sana.

Akan tetapi, kita pun tahu dalam proses itu, kita telah membangkitkan banyak perkara and it is not going to captured there. Jadi takkanlah tidak boleh kalau kita hendak – dalam hal yang kita telah bersetuju ini. Akan tetapi ada benda yang you should consider also, takkan kita hendak bangkang semua di sana. Kalau kita kata hendak undi, benda yang kita boleh terima, tetapi the process of the discussion itu kita telah bangkitkan banyak perkara, we want that to be captured somewhere as a minority report. Minority report ini Tuan Pengerusi, kita sudah bangkit awal lagi.

Daripada awal-awal kita bercakap dalam PSC ini kita telah sebut. It is not something yang kita timbulkan sehari dua ini sementara kita hendak menyediakan laporan ini. Awal lagi sudah kita kata we requested for minority report. We agreed dengan satu pembentangan daripada idea-idea yang datang dahulu mencadangkan supaya minority report ini. Sebelum itu lagi kita bersetuju mencadangkan.

Jadi, bukannya baru. Benda ini patutnya diberikan ruang kerana dalam banyak hal kita bersetuju. Kalau betul 15 perkara kita bersetuju, *I think that is very good already. We have gone very far but on that score kita hendak highlightkan perkara yang disebut electoral roll tadi...*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat...

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Yang Berhormat Kuala Krai, *can you highlight your concern in the context of the report. I think we give a space even one space or two paragraphs, three paragraphs you know...*

**Tuan Pengerusi:** Ada enam sahaja yang dalam perbincangan dahulu yang masih kita tundukan. Dan yang lain itu pada dasarnya kita sudah persetujui. Ingat Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah tubuhkan Jawatankuasa Kecil di mana sepanjang dalam itu, setiap Ahli Yang Berhormat boleh mengutarakan isu-isu yang difikirkan di dalam bidang tersebut adalah amat penting untuk ditelitikan, panggil pegawai beri maklumat. Hasil daripada itulah rumusan-rumusan yang 22 perkara ini kita angkat.

Saya rasa timbul isu *minority report* hanya kepada perkara-perkara yang terpaksa panggil suara majoriti ataupun belah bahagian. Jadi, saya rasa ia akan melemahkan persetujuan yang telahpun kita buat melalui proses Jawatankuasa dan perundingan yang begitu dalam kita buat.

Saya sebagai Pengerusi, saya amat kagum juga atas kerjasama yang diberi. Ingat juga bahawa walaupun sebelah Pakatan di sana mengatakan kita telah *council*, sebelah sini juga saya melihat cukup itu *council*. Saya sebagai Pengerusi pun kalau baca *blog-blog*, mereka katakan saya terlalu tolak ansur *you know*, daripada pandangan-pandangan. So saya ambil di tengah apa yang saya rasa adalah sesuai dengan terma rujukan kita dan kedua untuk mencari senarai berapa banyak yang boleh untuk menambah baik proses. *It will be never perfect I record, but I think you go a long way to improving transparency, improving mechanism dan pentadbiran.*

*That is why ada empat cadangan utama itu khas untuk SPR. So I think we should give the benefit of our confidence untuk membuat perubahan. Kalau tidak, we are back to square one. Tidak perlu lagi berbincang di peringkat asal. Why going to this detail because we would not trust who will laksanakan, is it? So I think, give a chance kepada sake of Parliament and younger generation including members of this Committee who will be here for longer time than us.*

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Pengerusi, saya ingin menegaskan kita bersama-sama berpendapat bahawa SPR *have to be strengthen, we have to..., the voters registration be clearer. There is no dissention with respect to that. They should be agreeing. But just some of the thing cannot be...*

**Tuan Pengerusi:** Okey. *Alright.* Saya ingin pasangkan usul kepada kita bahawa format laporan ini dapat diterima dan di mana ada belah bahagian, saya akan minta pihak sebelah sana untuk menambah penjelasan-penjelasan yang telah pun direkodkan. Kita lihat dari situ bolehkah memenuhi permintaan kedua-dua pihak. *So,* saya ulangi. Saya betulkan usul bahawa format laporan ini dapat kita terima, dan bagi perkara-perkara yang memerlukan belah bahagian, saya akan memberi ruang kepada pihak sebelah untuk menambah penjelasan-penjelasan di mana perkara itu bercanggah dalam format laporan. *So you want to put the paragraph, please do drafting and we talk about it for perkara-perkara yang memerlukan belah bahagian.* Saya rasa itu yang terbaik Yang Berhormat Gombak. Kalau tidak, masa kita singkat. *So this is only perkara yang enam yang belum lagi itu. Alright.* So yang setuju, katakan setuju... [Disampuk]

Saya sudah buat dua kali baca usul. Syor begini bahawa format yang dibentangkan ini untuk tujuan laporan akhir diterima dan di mana perkara-perkara yang tidak dipersetujui sebulat suara iaitu memerlukan belah bahagian, saya akan membentarkan pihak sebelah sana, Pakatan untuk menambahkan penjelasan-penjelasan di bawah kotak-kotak tertentu. Kalau *you* perlu *paragraph*, masukkan *paragraph* penjelasan dan merujuk barangkali memorandum yang dikemukakan begini tetapi tidak perlulah huraikan semua, sebab ada dalam *Hansard*, ada dalam lampiran semuanya. *So I think this is already big concession. One paragraph, the time when you put the six, you will be about two to three pages tambahan.*

**Tuan Mohamed Azmin Ali:** Tuan Pengerusi, kalau Tuan Pengerusi mengatakan ini sebagai satu syor dan memerlukan persetujuan Ahli Jawatankuasa, saya tidak bersetuju dengan format ini kerana saya dan rakan-rakan masih lagi berpendirian kita memerlukan satu *minority report* untuk dimuatkan dalam laporan terakhir. Saya minta supaya pandangan ini juga direkodkan kerana ini satu syor yang dicadangkan oleh Pengerusi. Kami membantah keras, maka bantahan ini mesti dirakamkan dalam laporan bahawa kami meminta satu laporan minoriti dilampirkan untuk memberikan pandangan-pandangan lain dalam proses penambahbaikan yang telah dibincangkan selama enam bulan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Gombak dalam pandangan 40 minit tadi berubah sudah. Beliau katakan minta tambahan penjelasan, apalah salahnya dua tiga lembar tambahan untuk memperjelaskan posisi kita. Akan tetapi, sekarang ini selepas menuju balik kepada soal *minority report* di mana kita katakan, mengikut amalan dan sebelum ini di Parlimen ini bahawa terma rujukan kita patuhi itu, dan saya rekodkan *dissenting views* sepertimana yang telah saya katakan tadi. *You can expand your own paragraph* di bawah sana, *we can benarkan. You can draft that and put in di situ, and it become normal minority, become a part of the report. That is better than having a minority report.* Okey.

So Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cadangkan kalau begitu pandangan di situ, saya minta supaya kerjasama terus diberi dan supaya format yang sudah pun kita mulakan pada hari lalu, kita sudah terima sampai pun bersetuju kepada 15 perkara dan seterusnya. Untuk tujuan tersebut saya difahamkan, setuju dengan usul saya?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Saya setuju dengan usul yang dibentangkan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Wangsa Maju? Okeylah, saya tangguhkan Mesyuarat lima minitlah untuk... [Disampuk] Ya. Okey dan kita sambung nanti.

***Mesyuarat ditempoahkan pada jam 1.21 petang.***

***Mesyuarat bersambung semula pada pukul 2.14 petang***

[Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili mempengerusikan Mesyuarat]

■1410

**Tuan Pengerusi:** Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah panjang lebar kita berbincang tentang format dan pertukaran fikiran yang luas dan menyeluruh dan selepas makan tengah hari, saya berharap kita boleh maju terus dalam usaha kita dalam mesyuarat yang terakhir ini. *Last*, sebelum saya tangguhkan mesyuarat tadi, saya telah membentangkan satu usul iaitu bahawasanya format yang dicadangkan seperti mana yang dibentangkan di hadapan mesyuarat ini, iaitu di mana perkara-perkara yang ingin dilaporkan itu dicatat dalam dua bahagian.

